

Mesej Lima

Aspek Meraja bagi Hayat yang Matang yang Diperlihatkan dalam Riwayat Hidup Yusuf

Bacaan Bible: Kej. 41:39-44, 51-52; 45:5-8; 47:14-23; 50:15-21

- I. Menurut pengalaman rohani, Yakub dan Yusuf ialah satu orang; Yusuf mewakili aspek meraja bagi Israel yang matang, yakni konstitusi Kristus dalam sifat Yakub yang matang; sebagai pekudus matang yang dikonstitusikan dengan Kristus, Yang sempurna itu, Yakub meraja menerusi Yusuf—Kej. 41:39-44; Ibr. 6:1a; Gal. 6:8; 5:22-23:
 - A. Aspek meraja yang ditamsilkan oleh Yusuf ialah Kristus dikonstitusikan ke dalam kita—4:19.
 - B. Yusuf, “tukang mimpi” (Kej. 37:19), bermimpi bahawa menurut pandangan Tuhan, umat-Nya ialah berkas gandum yang penuh hayat dan jasad syurgawi yang penuh cahaya (ay. 5-11); dua mimpi Yusuf (ay. 7, 9) adalah daripada Tuhan, menyingkapkan kepadanya pandangan divin Tuhan berkenaan sifat, kedudukan, fungsi, dan matlamat umat Tuhan di bumi:
 1. Kita harus menggunakan “teleskop divin” untuk melihat menembusi masa sehingga melihat Yerusalem Baru; di situ tidak ada apa-apa yang lain kecuali berkas-berkas yang penuh hayat dan bintang-bintang yang penuh cahaya; oleh itu, aspek meraja bagi hayat yang matang tidak pernah mengatai pekudus atau gereja secara negatif—bd. 38:27-30; Mat. 7:1-5; 1 Ptr. 3:8-9.
 2. Mimpi-mimpi Yusuf mengawal kehidupannya dan mengarahkan kelakuannya; dia berperilaku dengan begitu unggul dan mengagumkan kerana dia diarahkan oleh visi yang dilihat dalam mimpiinya (bd. Kis. 26:19); abang-abangnya melepaskan kemarahan mereka (Kej. 37:18-31) dan memuaskan nafsu mereka (38:15-18), tetapi Yusuf menundukkan kemarahannya dan menakluki nafsunya (39:7-23), berkelakuan seperti berkas yang penuh hayat dan berperilaku seperti bintang syurgawi yang bersinar dalam kegelapan.
 - C. Kehidupan Yusuf di bawah visi syurgawi ialah kehidupan kingdom syurga-syurga yang dihuraikan dalam Matius 5—7; dengan menjalani kehidupan sedemikian, dia bersedia sepenuhnya untuk memerintah sebagai raja; menurut konstitusi kingdom syurgawi yang diwahikan dalam bab-bab buku Matius ini, kemarahan kita harus ditundukkan dan nafsu kita harus ditakluki (5:21-32).
 - D. Aspek meraja bagi hayat yang matang ialah hayat yang sentiasa menikmati hadirat Tuan (Kis. 7:9); di mana sahaja hadirat Tuan, di situlah autoriti, kuasa pemerintahan (Kej. 39:2-5, 21-23):
 1. Dalam hadirat Tuan, Yusuf menjadi makmur kerana Tuan; ketika Yusuf menerima layanan yang buruk, dia menikmati kemakmuran Tuan yang datang kepadanya di bawah ketentuan Tuan.
 2. Dalam hadirat Tuan, Yusuf dikurniai berkat Tuan di mana sahaja dia berada; apabila Yusuf menikmati kemakmuran, dia dan orang yang berkaitan dengannya turut diberkati—ay. 4-5, 22-23.
 - E. Walaupun mimpiya sendiri belum digenapi, namun Yusuf mempunyai iktikad dan keberanian untuk mentafsirkan mimpi dua orang temannya di dalam penjara (40:8); akhirnya, menerusi pembicaraannya melalui iktikad semasa mentafsirkan mimpi penjawat minuman, Yusuf dibebaskan dari penjara secara tidak langsung (41:9-13), dan menerusi pembicaraannya yang berani semasa mentafsirkan mimpi Firaun, dia dibawa ke takhta secara langsung (ay. 14-46); pembebasan dan autoriti datang kepadanya menerusi pembicaraannya:
 1. Andrew Murray pernah berkata begini: Minister Sabda yang baik harus sentiasa meminister lebih daripada apa yang telah dialaminya; ini bermaksud

- bahawa kita harus berbicara menurut visi lebih daripada berbicara menurut penggenapan visi.
2. Sekalipun visi kita masih belum digenapi, kita masih harus membicarakannya kepada orang lain; waktunya akan tiba apabila visi kita pasti digenapi; mimpi Yusuf akhirnya digenapi menerusi pentafsirannya berkenaan mimpi penjawat minuman itu.
 3. Kita tidak harus berbicara menurut perasaan kita, tetapi berbicara menurut visi syurgawi; kita ialah orang bervisi, pelihat, tentang ekonomi abadi Tuhan, maka kita harus berbicara menurut kebenaran ekonomi-Nya yang mutlak—Kis. 26:16-19.
- F. Jika kita menghidup keluar Kristus, di mana sahaja kita berada, kita sama ada akan membawa hayat ataupun maut (2 Kor. 2:14-16); bagi penjawat minuman, Yusuf menyebabkan dia dipulihkan jawatan; bagi pembuat roti pula, Yusuf menyebabkan dia dijatuhi hukuman mati (Kej. 41:12-13).
- G. Jika kita menuntut Tuan, Dia akan meletakkan kita di dalam “tahanan bawah tanah”; tanpa tahanan bawah tanah, kita tidak dapat naik ke takhta; kita jangan jadi “pelajar yang tercicir dari tahanan bawah tanah”; kita harus terus tinggal di dalam tahanan bawah tanah hingga kita tamat pengajian dan menerima mahkota—Ef. 3:1; 4:1; Yak. 1:12.
- II. Yusuf merupakan dahan yang berbuah banyak (Kej. 49:22), mentamsikan Kristus sebagai ranting (Yes. 11:1-2) untuk percabangan Tuhan menerusi percayawan-Nya sebagai ranting-ranting-Nya (Yoh. 15:1, 5); sumber air menandakan Tuhan, sumber penghasilan buah yang banyak (Mzm. 36:9; Yer. 2:13), dan ranting-ranting menjalar melepas tembok menandakan bahawa percayawan Kristus yang merupakan ranting-ranting-Nya menyebarluaskan Kristus melepas setiap pengehadan, memperbesar-Nya dalam segala sekitaran (Flp. 1:20; 4:22; Flm. 10):**
- A. Semasa Yusuf ditabalkan, dia memperoleh kemuliaan dan berian; dia mentamsikan Kristus yang memperoleh kemuliaan (Ibr. 2:9) dan berian (Mzm. 68:18; Kis. 2:33) dalam kenaikan-Nya ke syurga (Kej. 41:42):
 1. Cincin, pakaian, dan rantai emas menggambarkan berian yang diterima Kristus dalam kenaikan-Nya ke syurga, dan Dia menyampaikan berian itu kepada gereja—ay. 42:
 - a. Cincin mohor menandakan Roh Kudus sebagai meterai di dalam dan pada percayawan Kristus—Kis. 2:33; Ef. 1:13; 4:30; bd. Luk. 15:22.
 - b. Pakaian menandakan Kristus sebagai keadilbenaran objektif kita demi justifikasi kita di hadapan Tuhan (1 Kor. 1:30; bd. Mzm. 45:9, 13; Luk. 15:22) dan sebagai keadilbenaran subjektif kita yang dihidup keluar dari pada kita supaya kita layak berbahagian dalam perkahwinan Anak Domba (Flp. 3:9; Mzm. 45:14; Wahi 19:7-9).
 - c. Rantai emas menandakan keindahan Roh Kudus yang diberikan untuk kepatuhan, yang diekspresikan dalam ketundukan (bd. Kis. 5:32); leher yang berantai menandakan tekad yang telah ditawan dan ditundukkan untuk mematuhi perintah Tuhan (Kej. 41:42; bd. Kid. 1:10; Ams. 1:8-9).
 2. Menurut urutan pengalaman rohani, pertama-tama kita menerima pemeteraian Roh untuk penyelamatan; kemudian kita menerima pakaian keadilbenaran dan mula berhidupkan Kristus (Gal. 2:20; Flp. 1:20-21a); untuk berhidupkan Kristus, leher kita harus berantai dengan Roh Kudus dan tekad kita harus ditawan dan ditundukkan oleh Roh Kudus.
 - B. Selepas dibangkitkan dari penjara maut dan dibawa ke kedudukan kenaikan tinggi melangkau, Yusuf berkahwin dengan Asnat, yang menggambarkan gereja yang diambil daripada dunia bangsa Asing semasa Kristus ditolak oleh bani Israel (Kej. 41:45); Yusuf menamai anak sulungnya Manasye (bermakna “membuat agar melupakan”) dan menamai anak keduanya Efraim (bermakna “berkembang

subur dua kali ganda”); Yusuf mengisyihar, “Tuhan telah membuat aku lupa akan segala masalahku dan seluruh rumah bapaku,” dan “Tuhan telah membuat aku berkembang subur [dua kali ganda] di tanah kesangsaraanku” (ay. 51-52).

III. Catatan riwayat hidup Yusuf merupakan wahi tentang pemerintahan Roh itu, kerana pemerintahan Roh itu ialah aspek meraja bagi seorang pekudus yang matang; pemerintahan Roh itu (suatu kehidupan yang meraja dalam hayat, yang berada di bawah pengehadan dan pembatasan hayat divin dalam realiti kingdom Tuhan) adalah lebih tinggi daripada mana-mana aspek lain Roh itu—Roma 5:17, 21; 14:17-18; bd. 2 Kor. 3:17-18; 2 Tim. 4:22; Wahi 4:1-3:

- A. Walaupun Yusuf penuh dengan perasaan dan sentimen manusia terhadap saudara-saudaranya, namun dia menahan diri dan menyimpan semua perasaannya di bawah pemerintahan Roh itu; dia menanggulangi saudara-saudaranya dengan waras, arif, dan penuh tamyiz, mendisiplinkan mereka menurut keperluan mereka untuk menyempurnakan mereka dan membina mereka supaya mereka dapat menjadi umat kolektif yang hidup bersama-sama demi menjadi kesaksian Tuhan di bumi; hayat yang dimanifestasikan dalam kisah Yusuf ialah hayat kebangkitan, hayat Tuhan—Kej. 42:9, 24; 43:30-31; 45:1-2, 24.
- B. Kehidupan Yusuf di bawah pengehadan Tuhan ialah gambaran kehidupan insani Kristus, yang memanifestasikan kematangan dan kesempurnaan hayat divin serta membawa masuk kingdom Tuhan—Yoh. 5:19, 30b; 7:16, 18; 14:10; Mat. 8:9-10.
- C. Dalam cara Yusuf memperlakukan saudara-saudaranya, kita melihat dia menjalani kehidupan yang tenang, kehidupan yang waras, dan kehidupan yang penuh daya tamyiz dan disertai kasih terhadap saudara-saudaranya—kehidupan menyangkal diri yang merupakan amalan kehidupan kingdom—Kej. 45:24; Mat. 16:24; 2 Taw. 1:10; Yes. 30:15a; Flp. 1:9; 1 Tim. 5:1-2; 1 Tes. 3:12; 4:9; 2 Tes. 1:3; Roma 12:10; 1 Yoh. 4:9; Ibr. 13:1.
- D. Seorang yang paling berkudrat ialah seorang yang mempunyai kekuatan untuk tidak melakukan apa yang dapat dilakukannya—inilah penyangkalan diri yang sebenar dan pemikulan salib yang sejati—Mat. 16:24; bd. 26:53; 2 Kor. 2:12-16.
- E. Yusuf menyedari bahawa Tuhanlah yang mengutusnya ke Mesir; dalam Kejadian 50:20, dia berkata kepada saudara-saudaranya, “Meskipun kamu berniat jahat terhadapku, namun Tuhan mempunyai niat baik” (45:5, 7; 50:19-21; bd. 41:51-52); inilah realiti bagi kata-kata Paulus dalam Roma 8:28-29; Yusuf menerima segala-gala yang dilakukan saudara-saudaranya terhadapnya sebagai sesuatu yang daripada Tuhan, dan dia melipurkan orang yang bersalah terhadapnya (Kej. 45:5-8; 50:15-21); betapa agungnya kurnia, dan betapa unggulnya roh yang dimilikinya!

IV. Disebabkan Yusuf menderita dan menyangkal dirinya, dia memperoleh kekayaan bekalan hayat (*Kidung*, #465); untuk menerima makanan daripada Yusuf, rakyat perlu membayar empat jenis harga: wang mereka, ternakan mereka, tanah mereka, dan diri mereka—47:14-23; bd. Wahi 3:18:

- A. Wang mewakili kemudahan, ternakan menandakan sarana hidup, dan tanah mewakili sumber; jika kita ingin menerima bekalan hayat daripada Tuan yang merupakan Pendispen itu, kita harus memberi Dia kemudahan kita, sarana hidup kita, dan sumber kita; semakin kita memberi kepada Dia, semakin kita akan menerima bekalan hayat daripada-Nya.
- B. Akhirnya, untuk menerima bahagian terbaik daripada Tuan, termasuk makanan untuk kepuasan dan benih untuk menghasilkan sesuatu bagi orang lain (Kej. 47:23), kita harus menyerahkan diri kita, setiap bahagian diri kita, kepada-Nya (Im. 1:4).
- C. Apabila kita membayar harga yang tertinggi dengan menyerahkan setiap bahagian diri kita kepada-Nya, kita menikmati bahagian yang terbaik dalam kenikmatan terhadap Kristus.

V. Berkat universal yang diberikan kepada Yusuf akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru di langit baru dan bumi baru; dalamnya segala-gala akan menjadi baru sebagai berkat kepada Kristus dan percayawan-Nya—Kej. 49:25-26; Ul. 33:13-16; Wahi 21:5:

- A. Transformasi bererti diubah secara metabolik dengan kebaruan hayat divin, ke-matangan bererti dipenuhi kebaruan hayat divin yang mengubah kita, dan berkat pula bererti kelimpahan hayat; kesudahan hayat Yakub berserta Yusuf merupakan hayat yang memberi berkat, dan inilah kemuncak penyinarannya—Ams. 4:18; Ibr. 11:21; Kej. 47:7; 48:15-16.
- B. Hanya Tuhan adalah baru; apa-apa yang berjauhan daripada Tuhan adalah lama, tetapi apa-apa yang kembali kepada Tuhan adalah baru (2 Kor. 5:17); diperbarui bermaksud kembali kepada Tuhan dan mempunyai sesuatu kepunyaan Tuhan dimasukkan ke dalam kita supaya kita dibaurkan dengan Tuhan dan bersatu dengan Tuhan demi kehidupan Tubuh—4:16; Roma 12:1-2.
- C. Rahsia untuk menerima Tuhan sebagai berkat kebaruan kita ialah kita membawa setiap hal kepada Tuhan dan mengizinkan Dia masuk ke dalam setiap hal; berkat universal yang diberikan kepada Yusuf bermakna berkat ada di mana-mana sahaja; pujian kita dapat mengubah segala lakin akibat kejatuhan menjadi berkat—Ef. 5:20; 1 Tes. 5:16-18.